

Headline	Panduan cuaca elektronik bantu jemaah haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Aug 2018	Color	Black/white
Section	Dunia	Circulation	20,955
Page No	71	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	104 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,881
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,643



# Panduan cuaca elektronik bantu jemaah haji

**Jeddah:** Pihak berkuasa Umum Arab Saudi untuk Perlindungan Alam Sekitar dan Meteorologi menerbitkan satu panduan elektronik kepada jemaah haji dilengkapi nasihat berkaitan cuaca dan alam sekitar.

Panduan itu boleh didapati dalam tiga bahasa iaitu Arab, Inggeris dan Urdu bertujuan

menyalurkan maklumat kepada majoriti jemaah.

Portal *Arab News* melaporkan, panduan itu diterbitkan sejajar perasmian pusat media di Balai Pencerapan Mina oleh Menteri Alam Sekitar, Air dan Pertanian, Abdulrahman Abdulmohsen Al-Fadhli.

Sementara itu, Kementerian

Kesihatan berkata, setakat ini tiada kes penyakit epidemik atau memerlukan kuarantin di kalangan jemaah.

Kementerian berkata, tumpuan utama mereka adalah operasi pencegahan penyakit dan mengikuti perkembangan kesihatan di seluruh dunia dengan kerjasama Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO) dan badan kesihatan antarabangsa.

Pada masa sama, kementerian mendedahkan, jumlah jemaah yang tiba menerusi saluran kesihatan dan menggunakan perkhidmatan pencegahan kementerian mencecah 480,794 orang sejak 14 Julai lalu.

**AGENSI**